

GARIS PANDUAN PENGURUSAN CEK/EFT TERBATAL

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk :

- 1.1 Menerangkan tatacara pengurusan Cek/EFT Terbatal bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia.
- 1.2 Memastikan proses permohonan pembayaran balik/pelarasan Cek/EFT Terbatal berjalan lancar dan teratur.
- 1.3 Mengurangkan/mengelakkan berlakunya Cek/EFT Terbatal.

2. PENGENALAN

- 2.1 EFT Terbatal adalah bayaran yang ditolak oleh pihak bank disebabkan oleh kesilapan nombor akaun penerima atau akaun tidak aktif/tutup.
- 2.2 Cek Terbatal adalah cek yang ditolak oleh bank disebabkan kesilapan maklumat penerima bayaran atau cek tamat tempoh laku.

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Arahan Perbendaharaan 118 – Cek dan Pindahan Dana Elektronik Terbatal.
- 3.2 Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Rujukan: ANM/POPA/SPA/3B/01 Jld.5(45) bertarikh 8 Julai 2009 – Tatacara Pengendalian Pindahan Dana Elektronik Terbatal (EFT Terbatal).

4. TINDAKAN PTJ

Setelah menerima makluman Cek/EFT Terbatal daripada Bahagian Akaun KPT, PTJ perlu mengambil langkah berikut :

- 4.1 Kenalpasti tindakan yang perlu diambil ke atas Cek/EFT Terbatal tersebut samada tindakan bayaran balik atau pelarasan.
- 4.2 Semak maklumat Cek/EFT Terbatal dengan baucar bayaran asal untuk tujuan pengesahan maklumat.
- 4.3 Semak dan kemaskini maklumat penerima bayaran perseorangan/individu atau maklumat pembekal di dalam Sistem eSPKB.
- 4.4 Isi Borang Tuntutan Pembayaran Balik/Pelarasan Cek/EFT Terbatal berdasarkan maklumat penerima bayaran yang telah dikemaskini dan pastikan semua dokumen lengkap. Sila rujuk **Lampiran C**.

- 4.5 Mengemukakan maklumbalas/ permohonan penggantian/ pelarasan berkenaan Cek/EFT Terbatal tersebut dalam tempoh **14 hari** dari tarikh email/ surat diterima ke Bahagian Akaun KPT untuk proses pembayaran balik/ pelarasan di alamat berikut :

Kementerian Pendidikan Tinggi
Bahagian Akaun
Unit Pengurusan Dana & Terimaan
Aras 11, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
Tel: 03-8870 6000
Faks: 03-8870 6876

5. DOKUMEN SOKONGAN

PTJ perlu mengemukakan dokumen yang lengkap untuk permohonan penggantian/pelarasan Cek/EFT Terbatal seperti berikut :

- 5.1 Lampiran C yang lengkap diisi
- 5.2 Salinan baucar bayaran berkaitan yang diakui sah
- 5.3 Salinan buku bank/penyata bank yang terkini yang diakui sah
- 5.4 Maklumat penerima bayaran perseorangan/individu atau kod pembekal yang telah dikemaskini di Sistem eSPKB
- 5.5 Cek asal (bagi pembayaran balik/pelarasan Cek Terbatal)

6. PENYELENGGARAAN REKOD OLEH PTJ

PTJ perlu menyelenggara Daftar Cek/EFT Terbatal dan hendaklah dikemaskini setiap kali urusan pembatalan, penggantian dan pelarasan dibuat. Sila rujuk **Lampiran D (i)**.

7. TANGGUNGJAWAB PTJ BAGI MENGELAKKAN CEK/EFT TERBATAL

PTJ hendaklah memastikan :

- 7.1 Maklumat penerima bayaran samada individu atau syarikat hendaklah BETUL dan TEPAT iaitu nama penerima, nombor kad pengenalan (bagi individu) dengan nombor akaun bank penerima adalah SAMA.
- 7.2 Bilangan digit nombor akaun bank yang diberikan oleh penerima adalah betul. Sila rujuk **Lampiran 1**.
- 7.3 Maklumat penerima bayaran (kod pembekal) telah dikemaskini di Sistem eSPKB.
- 7.4 Tanda-tanda (*), (-) dan (@) tidak dimasukkan di dalam nama penerima sewaktu penyediaan baucar bayaran dan memadai dengan hanya menjarakkan ejaan nama kerana pihak bank tidak dapat memproses bayaran tersebut.

Contoh :

L	A	I	L	A	@	L	I	L	A	S	A	R	I	B	I	N	T	I	J	A	A	'	F	A	R
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

L	A	I	L	A	L	I	L	A	S	A	R	I	B	I	N	T	I	J	A	A	F	A	R
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

8. **PENUTUP**

Dipohon kerjasama semua PTJ di bawah KPT mematuhi garis panduan ini dan diharapkan agar panduan ini dapat membantu PTJ dalam pengurusan Cek/EFT Terbatal di PTJ masing-masing.

9. **TARIKH KUATKUASA**

Panduan ini berkuatkuasa mulai **29 Mac 2016**.








Disediakan oleh :

BAHAGIAN AKAUN, KPT


LAMPIRAN 1

Bayaran Melalui EFT/Cek Tanpa Had Minimum*


Bil	Logo Bank	Nama Bank	Digit	Kod Bank	Cek/EFT
1.		AFFIN BANK BERHAD	12	PHBMMYKL	T
		AFFIN ISLAMIC BANK		AIBBMYKL	
2.		ALLIANCE BANK BERHAD	15	MFBBMYKL	T
		ALLIANCE ISLAMIC BANK		ALSRMYK1	C
3.		AMBANK BERHAD	13	ARBKMYKL	T
		AMISLAMIC BANK-SPI		AISLMYKL	
4.		BANK SIMPANAN NASIONAL	16	BSNAMYK1	T
		BANK SIMPANAN NASIONAL - SPI		BSNA9999	C
5.		AGRI BANK	16	AGOBMYK1	T
		AGRO BANK - SPI		AGO89999	
6.		CITIBANK	10	CITIMYKL	T
		CITIBANK - SPI		CITI9999	
7.		CIMB BANK BERHAD	14/10	CIBBMYKL	T
8.		BANK MUAMALAT BERHAD	14	BMMBMYKL	T
9.		BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD	12	BKRMMYK1	T
10.		BANK ISLAM (M) BERHAD	14	BIMBMYKL	T
11.		BANK OF CHINA (M) BERHAD	13	BKCHMYKL	T
12.		DEUTSHE BANK (M) BHD	8/10	DEUTMYKL	T
13.		EON BANK	13	EOBBMYKL	T
		EONCAP ISLAMIC BANK		EIBBMYKL	
14.		HSBC BANK (M) BHD	12	HBMBMYKL	T
15.		HONG LEONG BANK (M)	11	HLBBMYKL	T
		HONG LEONG ISLAMIC BANK		HLIBMYKL	

Bil	Logo Bank	Nama Bank	Digit	Kod Bank	Cek/EFT
16		MAYBANK BERHAD	12	MBBEMYKL	T
		MAYBANK BERHAD - SPI		MBISMYKL	
17		OCBC BANK (M) BHD	10	OCBCMYKL	T
		OCBC BANK (M) BHD - SPI		OCBC9999	
18		PUBLIC BANK BHD	10	PBBEMYKL	T
		PUBLIC BANK BHD - SPI		PIBEMYK1	
19		RHB BANK BHD	14	RHBBMYKL	T
		RHB BANK ISLAMIC BHD		RHBAMYKL	
20		STANDARD CHARTERED BANK	12	SCBLMYKX	T
		STANDARD CHARTERED - SPI		SCSRMYK1	
21		UNITED OVERSEAS BANK (M)	11	UOVBMKYK	T
22		THE ROYAL BANK OF SCOTLAND BHD	7	ABNAMYKL	T

Bayaran Melalui Cek*

Bil	Logo Bank	Nama Bank	Digit	Kod Bank	Cek/EFT
1.		BANK NEGARA MALAYSIA	10	BNMAMYKL	C

Bayaran Melalui EFT Bagi Amaun Melebihi RM100,000.00*

Bil	Logo Bank	Nama Bank	Digit	Kod Bank	Cek/EFT
1.		CIMB ISLAMIC BANK BHD	14	CTBBMYKL	T

* Tertakluk kepada pindaan